



Adi Alifuddin sasar jarak lebih 17.10m

Kuala Lumpur: Kejohanan Olahraga Terbuka Malaysia minggu depan adalah medan terakhir bagi atlet lontar peluru kebangsaan, Adi Alifuddin Hussin (**gambar**) meraih kelayakan secara merit ke Sukan SEA Singapura 2015, Jun ini.

Walaupun meraih tempat kedua pada Kejohanan Terbuka Filipina kelmarin, catatan jarak balingan 16.21m itu belum melepasi kelayakan yang ditetapkan iaitu 17.10m.

“Saya tiada pilihan lain, saya perlu melakukan catatan balingan terbaik untuk melepasi kelayakan secara merit di Sukan SEA nanti. Walaupun saya meraih tempat kedua, saya tidak berpuas hati dengan jarak balingan itu.

“Kelajuan lontaran dan kekua-

tan kaki memainkan peranan penting. Saya perlu memperbaiki teknik balingan. Saya akan balik ke Malaysia, Isnin ini, selepas itu sambung latihan seperti biasa di UPM (Universiti Putra Malaysia),” katanya semalam.

Catatan terbaik

Adi, 27, adalah pemenang pingat perak bagi Sukan SEA sebanyak tiga kali berturut-turut sejak 2009. Dia juga pemegang rekod kebangsaan dengan catatan terbaik 17.53m ketika beraksi di Sukan SEA Palembang 2011.

Dia turut berpendapat Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) perlu memberi peluang kepada atlet pelapis lontar peluru negara mendapat pendedahan di peringkat

Asia Tenggara.

“Atlet pelapis yang ada sekarang perlu banyak belajar lagi, mereka perlu banyak pendedahan dan saingan. Atlet pelapis itu sendiri juga perlu berusaha lebih gigih untuk meraih peluang bertanding di peringkat antarabangsa.

“Saya lihat negara lain sering membawa atlet pelapis mereka menyertai Kejohanan Terbuka di luar negara. Walaupun mereka tidak mendapat kedudukan terbaik, mereka menimba pengalaman baharu seperti teknik balingan,” katanya.

Selain Adi Alifuddin, turut cemerlang dalam acara lontar peluru ialah atlet paralimpik iaitu Muhamad Ziyad Zolkefli.

BERNAMA